

KEUPAYAAN BERBAHASA MELAYU DALAM KERANGKA SATU MALAYSIA (Malay Proficiency in the Concept of One Malaysia)

Zulkifley Hamid

ABSTRAK

Apabila berbicara tentang pengetahuan bahasa, apa yang sering tergambar dalam pemikiran ialah tentang pengetahuan nahu. Nahu sering dipersepsikan sebagai merepresentasikan pengetahuan bahasa. Hakikatnya, nahu hanyalah sebahagian daripada keseluruhan pengetahuan bahasa. Pengetahuan bahasa sebenarnya merangkumi pengetahuan tentang budaya, kehidupan sosial penutur, taboo, kesopanan dan kesusilaan, pragmatik dalam berbahasa dan sebagainya. Dalam makalah ini, akan diuraikan konsep pengetahuan bahasa yang sebenar berdasarkan pandangan pelbagai bidang dalam disiplin linguistik seperti psikolinguistik, sosiolinguistik, pragmatik dan sebagainya. Konsep pengetahuan bahasa yang sebenar akan dibincangkan dalam konteks pendidikan bahasa Melayu di Malaysia, pentadbiran dan urusan formal, juga dalam konteks bahasa dan pembentukan tamadun bangsa. Akhirnya akan dirumuskan apakah konsep pengetahuan bahasa Melayu yang menyeluruh yang seharusnya menjadi pegangan para perancang pendidikan bahasa, iaitu pengetahuan bahasa Melayu terdiri daripada dua komponen pengetahuan, nahu bahasa Melayu dan kecekapan berbahasa Melayu. Makalah ini juga akan memberikan penilaian tentang kemampuan bahasa Melayu menjadi mekanisma penyatuan seluruh rakyat Malaysia berteraskan konsep satu Malaysia.

Kata Kunci: Pengetahuan bahasa, Kesopanan dan kesusilaan, Perancangan bahasa, Satu Malaysia, mekanisma penyatuan.

ABSTRACT

When we discuss about language knowledge, we always equate it with knowledge of grammar. Grammatical knowledge is always viewed to represent language knowledge. In fact, grammar is only part of the overall knowledge of a language. Besides grammar, language knowledge includes knowledge of culture, social life of speakers, taboo, decency and morality, pragmatics and so on. In this paper, I will describe the actual concept of language knowledge based on theories from disciplines of linguistics, psycholinguistics, sociolinguistic, pragmatic and so on. The concept of actual language knowledge will be discussed in the context of Malay language education policy, and language as a catalyst in the preservation of civilization. I will summarise on the actual concept of Malay language knowledge, and I will also give an assessment on the Malay language skills amongst Malaysian.

Keywords: Language knowledge, morality, Language planning, One Malaysia, mechanism of unity.

PENGENALAN

Tahap penguasaan pengetahuan bahasa golongan pelajar yang tertentu hanya akan dapat dikesan dan dikenal pasti selepas mereka menamatkan alam persekolahan, dan seterusnya terlibat dalam pelbagai aktiviti dalam kehidupan sebenar. Prestasi kebahasaan mereka hanya dapat ditentukan berdasarkan kualiti bahasa yang mereka hasilkan dalam mengutarakan pelbagai maksud dalam pelbagai situasi komunikasi. Dengan kata lain, kewibawaan berbahasa mereka sama ada semasa menghasilkan output atau memahami input bahasa akan terserlah apabila mereka melaksanakan proses komunikasi dalam menjalani pelbagai aktiviti atau rencana kehidupan.

Keupayaan berbahasa merujuk kemampuan seseorang pengguna bahasa menghasilkan output bahasa yang gramatis dan bersesuaian dengan keperihalan keadaan, dan juga kemampuan mereka memahami input bahasa yang diterima bersesuaian dengan keperihalan komunikasi iaitu bersesuaian dengan maksud yang diinginkan oleh penutur. Dengan kata lain, sesuatu input bahasa yang diterima oleh pendengar mestilah ditafsirkan bersesuaian dengan maksud yang cuba diketengahkan oleh penutur, dan bukannya sepertimana yang dikehendaki oleh pendengar.

Keupayaan berbahasa juga merujuk kebolehan penutur menghasilkan ayat-ayat tanpa had kepanjangan, dan juga tanpa had bilangan. Seseorang pengguna bahasa yang hanya mampu menghasilkan ayat berdasarkan hafalan dianggap belum lagi menguasai kemahiran berbahasa (Steinberg 1990). Dengan kata lain, kebolehan menghasilkan ayat-ayat secara spontan tanpa apa-apa kekangan kemampuan merupakan antara kriteria utama untuk menentukan sama ada seseorang pengguna bahasa telah menguasai kemahiran berbahasa dalam sesuatu bahasa.

Bahasa dan budaya merupakan simbiosis yang ampuh. Tidak ada bahasa yang boleh wujud tanpa didokongi oleh sesuatu budaya, dan budaya hanya boleh wujud jika ada bahasa untuk mengungkap dan merakamnya. Tidak ada bahasa yang tidak diwarnai dengan budaya yang tertentu (Hassan 2004). Berdasarkan pandangan ini, dapat kita fahami bahawa seseorang penutur hanya boleh dianggap telah menguasai sesuatu bahasa, jika dia mampu menggunakan bahasa berdasarkan kesesuaian budaya. Jika sesuatu output bahasa diujarkan tanpa mengambil kira aspek budaya, kemungkinan besar output bahasa yang dihasilkan tidak dapat diterima dengan selesa oleh para pendengar. Makalah ini akan membincangkan dengan lebih mendalam aspek kesepaduan antara bahasa dan budaya dalam bahagian berikut.

SIMBIOSIS BAHASA DAN BUDAYA

Bahasa dan budaya ialah dua entiti yang berjalanan secara sepadu atau utuh. Ini bermaksud, kosa kata, nahu dan kekangan sosial dalam berbahasa mencerminkan budaya yang diamalkan oleh penutur, dan juga sistem nilai yang dijunjung oleh masyarakat penutur (Gumperz 1974; Chomsky (dlm. Botha 1990)). Tidak keterlaluan untuk kita mengatakan bahawa bahasa yang digunakan dan budaya yang diamalkan merupakan dua entiti yang bersifat amat terkhusus bagi sesuatu kelompok pengguna. Dua aspek inilah yang menjadi pembeza dan penyatu di kalangan anggota sesuatu masyarakat (Fasold 1984).

Sebagai pembeza, bahasa dan budaya yang diamalkan oleh sesuatu kelompok penutur seringkali berbeza secara jelas dengan bahasa dan budaya kelompok lain. Aspek inilah yang membentuk satu citra yang tersendiri bagi sesuatu kelompok pengguna bahasa. Biasanya, sesuatu kelompok akan sentiasa sensitif terhadap cabaran, persaingan dan kelunturan yang mungkin dihadapi oleh bahasa dan budaya mereka. Sesuatu kelompok akan menjadikan pemuliharaan bahasa dan budaya sebagai satu agenda bersama, dan aspek inilah yang menyebabkan mereka merasa bersatu. Sebagai pembeza dan pemersatu, bahasa dan budaya mampu menghadapi persaingan di peringkat lokal, nasional atau global. Persekitaran boleh berubah, tetapi citra sesuatu bangsa tidak cepat berubah kerana ia sentiasa terkekang dengan citra yang terpancar dari bahasa dan budaya.

Umumnya, ahli-ahli falsafah bahasa berpandangan bahawa bahasa bukan sahaja berperanan sebagai alat untuk menyalurkan pandangan atau pemikiran tetapi bahasa turut berperanan sebagai pembentuk atau pencetus pandangan atau pemikiran penutur. Hipotesis

ini dikenali sebagai Hipotesis Relativiti Linguistik. Pandangan yang dikemukakan dalam Hipotesis Relativiti Linguistik ini boleh dirumuskan menurut pandangan yang pernah dikemukakan oleh Whorf (dlm. Mangantar 1987). Whorf berkata "Setiap bahasa tidaklah hanya merupakan satu alat untuk menyuarakan idea-idea malahan merupakan pembentuk dan penentu idea-idea itu, merupakan program dan penuntun kegiatan mental seseorang, penentu analisis kesan dan sintesis struktur mental seseorang itu". Pandangan yang dikemukakan oleh Whorf secara jelas menunjukkan bahawa bahasa pada aspek dan tahap yang tertentu mengawal kehidupan manusia. Ini seterusnya memberikan gambaran bahawa bahasa ialah salah satu unsur utama yang membentuk budaya dan citra sesebuah masyarakat.

Penggunaan bahasa tidak sahaja dikekang oleh pelbagai kekangan nahu, tetapi juga oleh pelbagai kekangan budaya semasa berbahasa (Hamid 2011). Keadaan ini menggambarkan bahawa kedua-dua entiti, peraturan-peraturan nahu dan peraturan-peraturan budaya sama-sama menentukan corak pemikiran dan tindakan anggota sesebuah masyarakat. Dapatlah kita merumuskan bahawa imej atau citra sesebuah masyarakat atau sesuatu bangsa banyak ditentukan oleh bahasa dan budaya sesebuah masyarakat atau sesuatu bangsa. Dengan kata lain, tanpa perlu mengkaji atau tinggal bersama sesebuah masyarakat, kita boleh mengenali masyarakat tersebut dengan intim dengan hanya mengkaji bahasa dan budaya masyarakat tersebut.

Apabila seseorang pengguna bahasa menggunakan bahasa, sama ada dalam pemahaman input atau penghasilan output, persekitaran sosial atau persekitaran budaya merupakan suatu aspek yang akan menjadi pertimbangan utama. Ini bermaksud, bahasa tidaklah digunakan dalam sesuatu kekosongan, tetapi bahasa digunakan dalam konteks atau persekitaran sosial yang tertentu (Khalidi 2002).

KONSEP KEBITARAAN DALAM PROGRAM PENDIDIKAN BAHASA

Berdasarkan pandangan di atas, nyata kepada kita bahawa sesuatu program pendidikan bahasa yang sempurna adalah program yang membekalkan para pelajar dengan pengetahuan bahasa yang dapat memungkinkan seseorang pelajar dapat memahami input dan menghasilkan output bahasa yang sempurna. Ini bermaksud, kurikulum yang dirancang haruslah kurikulum yang menyeluruh. Pandangan ini sejajar atau bertepatan dengan pandangan kebanyakan ahli linguistik (Hamid 2011). Sebagai contoh, De Saussure telah mentakrifkan pengetahuan bahasa secara menyeluruh, iaitu sebagai entiti yang terdiri daripada dua komponen pengetahuan, iaitu pengetahuan tentang *langue* dan pengetahuan tentang *parole*. *Langue* merujuk pengetahuan tentang sistem formal sesuatu bahasa, iaitu sistem fonologi, morfologi dan sintaksis, manakala *parole* merujuk pengetahuan tentang cara berbahasa dalam keperihaln keadaan yang berbagai-bagai. Dapatlah kita katakan bahawa menurut pandangan linguistik De Saussure, pendidikan bahasa yang menyeluruh ialah program pendidikan bahasa yang merangkumi kedua-dua aspek pengetahuan bahasa, iaitu aspek-aspek yang berkaitan dengan peraturan formal atau sistem formal sesuatu bahasa, dan aspek-aspek yang berkaitan dengan keteraturan berbahasa dalam situasi yang berbagai-bagai.

Kalau kita menilai pandangan tokoh linguistik abad ke 20 yang paling terkenal, iaitu Noam Chomsky, kita akan menjurus kepada pandangan yang hampir sama. Kita akui bahawa Chomsky merupakan seorang ahli linguistik yang memberi fokus kepada sistem formal bahasa, khususnya komponen sintaksis. Walaupun demikian, dia tidak dapat mengelak daripada bersetuju bahawa bahasa itu lebih daripada sistem formal sahaja kerana

bahasa juga harus dilihat daripada aspek psikososialnya. Bahasa tidak dapat lari daripada aspek pengguna dan kepenggunaannya, dan apabila komunikasi atau kepenggunaannya diambil, bahasa akan melibatkan juga aspek 'parole'.


Menyedari hakikat di atas, Chomsky sendiri terpaksa mengakui bahawa memang bahasa terdiri daripada dua komponen pengetahuan, dan Chomsky menamakan dua komponen pengetahuan bahasa ini sebagai kecekapan linguistik dan kecekapan pragmatik. Kecekapan linguistik merujuk sistem formal sesuatu bahasa dan kecekapan pragmatik merujuk peraturan sosial atau kemasyarakatan semasa seseorang pengguna bahasa menggunakan bahasa dalam situasi yang berbagai-bagai.

Seorang lagi tokoh yang ingin dibicarakan di sini ialah Widdowson, iaitu penulis buku bertajuk *Teaching Language as Communication* yang telah diterbitkan pada tahun 1979. Pada hemat saya, Widdowson seorang yang penting dalam bidang linguistik dan pedagogi bahasa. Pandangan yang dikemukakan olehnya banyak dijadikan prinsip atau falsafah yang menunjangi Kaedah Komunikatif dalam pendidikan bahasa, dan kaedah ini menjadi kaedah utama dalam perancangan dan pelaksanaan program pendidikan bahasa di Malaysia, sama ada pendidikan bahasa sebagai bahasa pertama atau pendidikan bahasa sebagai bahasa kedua.

Menurut Widdowson, pengetahuan bahasa dapat ditakrifkan sebagai terdiri daripada dua jenis pengetahuan yang saling melengkapi, iaitu *use* dan *usage*. *Use* merujuk pengetahuan tentang aspek-aspek kenahuan yang terdapat dalam sesuatu bahasa, manakala *usage* merujuk pengetahuan tentang cara berkomunikasi yang berkesan dalam situasi penggunaan yang sebenar. Bagi Widdowson dan mereka yang mendokong pandangannya, pengetahuan tentang *use* yang tidak disertai pengetahuan *usage* tidak mungkin akan menjadikan seseorang pelajar itu pengguna bahasa berkesan.

Daripada pelbagai pandangan yang telah dikemukakan dalam bahagian ini dapat kita merumuskan bahawa sesuatu program pengajaran dan pembelajaran bahasa akan hanya dapat menjadi program yang berkesan, bermanfaat dan berfungsi apabila program tersebut merangkumkan kedua-dua aspek pengetahuan bahasa, iaitu nahunya dan aspek keberkesanan penggunaannya. Ini disebabkan kedua-dua bentuk pengetahuan bahasa ini diperlukan dalam proses lakuan bahasa yang berkesan. Daripada pelbagai pandangan di atas dapatlah kita menyatakan bahawa kurikulum sesuatu program pendidikan bahasa yang sempurna atau terbaik ialah kurikulum yang menyenaraikan kedua-dua aspek pengetahuan bahasa ini secara utuh dan seimbang.

Pada hemat saya, kedua-dua bentuk pengetahuan ini dapat kita takrifkan sebagai dua bentuk peraturan, iaitu peraturan sintagmatik dan paradigmatic. Sintagmatik merujuk peraturan penyusunan bahan bahasa menurut penyusunan secara linear atau mendatar, manakala paradigmatic merujuk ketrampilan memilih output bahasa yang paling sesuai untuk digunakan dalam keperihaln keadaan tertentu untuk memenuhi tujuan komunikasi yang tertentu. Secara gambarajah konsep dua komponen pengetahuan bahasa ini dapat kita gambarkan seperti dalam Rajah 1 di bawah.



Rajah 1 Dua Komponen Pengetahuan Bahasa

Berdasarkan kenyataan di atas, dapatlah kita katakan bahawa bahan pengajaran bahasa yang terbaik adalah bahan yang dapat menyediakan para pelajar dengan pengetahuan tentang peraturan sintagmatik dan paradigmatic, iaitu kemahiran nahu dan kemahiran memilih bahan yang bersesuaian dengan sesuatu suasana komunikasi. Pengetahuan sintagmatik akan membolehkan pengguna bahasa menghasilkan ayat-ayat yang gramatis, manakala pengetahuan paradigmatic akan membolehkan pengguna bahasa menghasilkan output yang boleh diterima secara baik oleh penerima sasaran. Dengan kata lain, aspek kegramatisan dan kebolehterimaan merupakan dua aspek yang sama penting dalam menentukan kewibawaan pengguna bahasa.

Berdasarkan pandangan dalam bahagian-bahagian di atas, jelas kepada kita bahawa program pendidikan bahasa yang terbaik merangkumkan kedua-dua aspek pengetahuan bahasa. Walaupun pentakrifan ini kita yakini sebagai benar, dan kita juga meyakini bahawa keperluan kepada kedua-dua komponen pengetahuan bahasa sebagai aset utama dalam mewujudkan golongan rakyat Malaysia yang dapat berbahasa Melayu secara jelas dan harmoni, tetapi usaha ke arah mewujudkan masyarakat Malaysia yang dapat memenuhi kualiti ini masih jauh.

Faktor utama yang menghambat pengwujudan masyarakat yang dapat berbahasa Melayu secara jelas dan harmoni ini adalah sikap para perancang program pendidikan bahasa itu sendiri. Sebahagian besar para perancang mentakrifkan sistem bahasa itu sebagai sistem nahu. Dengan kata lain, mereka menyamakan nahu dengan bahasa, dan apabila sistem formal sesuatu bahasa telah dikuasai sempurna proses pendidikan bahasa. Pemikiran yang sebegini ialah pemikiran yang terlalu dipermudahkan, sedangkan bahasa merupakan suatu

entiti yang terangkum di dalamnya peraturan-peraturan bersosialisasi yang termaktub secara utuh.

Rumus nahu samalah seperti jadual sifir kali dalam ilmu matematik. Jadual sifir kali amat penting dalam ilmu matematik, tetapi sifir kali ini bukanlah segala-galanya. Dengan lain perkataan, jadual sifir kali memberi manfaat kepada pengguna apabila jadual sifir kali ini dapat membantu penghafal jadual sifir kali menyelesaikan pelbagai masalah matematik. Begitu jugalah dengan rumus nahu, ia hanya bermanfaat apabila rumus-rumus nahu boleh menjadikan seseorang pengguna bahasa seorang pengguna yang trampil. Jadual sifir kali sahaja tidak mungkin dapat menjadikan seseorang itu pengira yang trampil kerana jadual sifir kali adalah rumus yang terbatas, sedangkan kiraan matematik tidak terbatas. Jadual sifir kali tidak dapat memberi jawapan kepada masalah 1253×897 kerana ia hanya terhad kepada sifir kali 12. Sungguhpun begitu dengan pengetahuan pengendalian jadual sifir kali, jawapan boleh diperolehi. Apa yang cuba ditegaskan di sini ialah nahu memerlukan pengetahuan lain untuk membolehkan seseorang pengguna bahasa menjadi pengguna bahasa yang trampil.

ASPEK SOSIAL DALAM PENDIDIKAN BAHASA MELAYU

Aspek sosiologi sesuatu bahasa merupakan aspek yang menjadi topik perbincangan yang agak hangat di kalangan ahli-ahli bahasa. Soalan yang sering ditanya adalah ‘mengapa sesuatu bentuk bahasa sesuai digunakan dan mengapa pula bentuk lain tidak sesuai’, ‘mengapa sesuatu bentuk itu sesuai untuk sesuatu situasi dan tidak sesuai untuk sesuatu situasi lain’. Sociolinguistik secara khusus mengkaji kesesuaian penggunaan sesuatu unsur bahasa berdasarkan situasi sosial. Dengan kata lain, ia mengkaji bentuk-bentuk bahasa yang paling wajar digunakan dalam sesuatu situasi supaya dapat diterima oleh penerima sasaran dengan cara paling baik. Tentang betapa pentingnya kita mengambil kira peranan situasi sosial dalam berbahasa telah ditegaskan oleh Gumperz & Hymes (1972), mereka mengatakan:

“Oleh demikian, peraturan-peraturan sosial sama seperti peraturan-peraturan linguistik, kedua-duanya menentukan pemilihan lakuan atau strategi berbahasa dalam sesuatu keperihalanan kebudayaan bersesuaian dengan kekangan-kekangan yang ditentukan oleh hasrat, latar dan hubungan identiti yang wujud”.

Apabila kita membicarakan aspek sosiologi bahasa Melayu atau sociolinguistik Melayu, kita sebenarnya membicarakan aspek kesesuaian penggunaan unsur-unsur bahasa Melayu dalam pelbagai situasi komunikasi. Ini membawa maksud bahawa semasa berkomunikasi menggunakan sesuatu bahasa, ada aspek-aspek sosial yang harus dipatuhi oleh para penutur. Tanpa mematuhi aspek-aspek ini bahasa tidak akan dapat berfungsi sebagai alat komunikasi yang berkesan (Hamid, Z. & Aman, R. 2006). Dengan kata lain, tanpa mematuhi peraturan sosial dalam berbahasa, bahasa tidak akan dapat berfungsi sepenuhnya.

Dalam kehidupan harian masyarakat Melayu, aspek adab, terutamanya adab dalam berbahasa amat dipentingkan. Masyarakat Melayu menganggap adab dalam berbahasa menentukan kelangsungan keharmonian hidup. Jika bahasa tidak dijaga, hidup akan binasa. Anggota masyarakat Melayu sejak kecil lagi telah diingatkan bahawa ‘kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa’. Ini membawa maksud bahawa bahasa jika digunakan tanpa melihat situasinya, akan mengundang bencana. Atas sebab ini jugalah peraturan sosial

dalam berbahasa Melayu harus dikaji dan seterusnya dibukukan untuk dijadikan panduan oleh seluruh rakyat Malaysia.

Kenyataan di atas membawa maksud bahawa dalam berbahasa kedua-dua aspek kebahasaan iaitu sistem bahasa atau tatabahasa dan peraturan sosial dalam berbahasa atau tataberbahasa merupakan dua komponen kebahasaan yang sama penting semasa kita berbahasa. Peremehan kepada mana-mana aspek akan menghasilkan output bahasa yang akan ditanggapi sebagai sesuatu yang janggal bahkan biadab oleh penerima sasaran.

KETAKSEIMBANGAN PENGETAHUAN NAHU DAN KECEKAPAN BERBAHASA

Sebagai pengguna bahasa Melayu yang berstatus penutur bahasa kedua, para pelajar berbangsa Cina atau India menguasai pengetahuan bahasa ini menerusi proses pendidikan formal, sama ada di sekolah atau di kelas tambahan. Oleh sebab proses pendidikan formal lebih mementingkan pengajaran dan pembelajaran aspek nahu atau tatabahasa, maka aspek inilah yang akan dapat dikuasai dengan lebih memuaskan berbanding dengan aspek-aspek yang berkaitan dengan kecekapan berbahasa seperti aspek kesusilaan dan kewajaran dalam berbahasa. Para pelajar bukan Melayu berkemungkinan besar akan menguasai pengetahuan bahasa secara tidak seimbang, iaitu pengetahuan nahu dikuasai dengan lebih baik berbanding dengan pengetahuan tentang aspek kecekapan berbahasa.

Teori dan hipotesis yang terdapat dalam disiplin psikolinguistik menyatakan bahawa penutur natif dan bukan natif akan berbeza pengetahuan bahasa mereka apabila mereka mula memasuki alam persekolahan, iaitu semasa mereka mula memasuki darjah satu pada umur tujuh tahun atau semasa mereka memulakan pendidikan peringkat tadika semasa berumur lima atau enam tahun (Crain & Pietroski 2001). Sebagai contoh, kanak-kanak Melayu dan Cina akan berbeza dalam tahap penguasaan pengetahuan bahasa Melayu apabila mereka memulakan pendidikan formal, sama ada di kelas tadika (lima atau enam tahun) atau darjah satu (tujuh tahun). Hipotesis Nurani merupakan hipotesis yang secara khususnya membicarakan aspek ini (Gleitman 1993). Hipotesis ini menyatakan bahawa pengetahuan bahasa pertama atau bahasa ibunda dapat dikuasai oleh para penutur natif tanpa memerlukan apa-apa bentuk pendidikan formal (Wanner & Gleitman 1982; Roeper & Williams 1987).

Bahkan, tahap penguasaan pengetahuan bahasa mereka masih boleh dikatakan banyak berbeza apabila mereka menamatkan persekolahan peringkat menengah, terutamanya bagi aspek-aspek pengetahuan bahasa Melayu yang berkaitan dengan kecekapan dan kesopanan berbahasa Melayu (Zulkifley 2005). Oleh demikian, semua perbezaan ini harus disedari dan diiktiraf oleh para perancang dan pelaksana program pendidikan bahasa Melayu di Malaysia. Bahasa ialah sebahagian daripada kehidupan manusia. Oleh demikian, bahasa merupakan sebahagian daripada budaya atau cara hidup manusia (David Pears dlm. Azhar 1993). Atas sebab inilah sesuatu program pendidikan bahasa tidak harus memfokus kepada pengajaran nahu semata-mata.

Antara dua aspek kebahasaan, aspek kecekapan berbahasa Melayu merupakan aspek yang akan memperlihatkan dengan lebih jelas perbezaan di antara pelajar natif dan bukan natif. Pengetahuan tentang aspek-aspek yang berkaitan dengan kecekapan berbahasa Melayu dikuasai oleh para pelajar natif menerusi tatacara pemerolehan, iaitu dikuasai secara informal dalam persekitaran keluarga, dan ia lebih merupakan sebahagian daripada sistem pendidikan agama dan tatasusila atau akhlak. Bagi para pelajar bukan Melayu pula, aspek kecekapan berbahasa Melayu harus mereka kuasai menerusi pembelajaran formal di sekolah.

Pengajaran dan pembelajaran pengetahuan nahu harus diseimbangkan dengan aspek kecekapan berbahasa. Kedua-dua komponen pengetahuan akan menentukan sama ada seseorang pengguna bahasa akan menjadi pengguna yang cemerlang atau tidak. Ketakseimbangan dalam pengetahuan bahasa akan menjadikan seseorang pengguna bahasa itu pengguna yang pincang (Rubinfeld et. al. 2006; Gumperz 1974).

Dengan kata lain, semasa berbahasa, aspek kejelasan dalam pengutaraan output bahasa, dan aspek kebolehterimaan para pendengar merupakan dua aspek yang sama penting. Noam Chomsky seorang sarjana linguistik yang amat memberatkan aspek nahu turut mengakui bahawa nahu tidak dapat berfungsi secara bersendirian untuk membolehkan seseorang pengguna bahasa menghasilkan output bahasa yang gramatis, benar dan boleh diterima oleh pendengar sasaran. Dalam mengakui hakikat ini, Chomsky (1985) menegaskan, “Pandangan yang berkaitan dengan ‘kebolehterimaan’ tidak seharusnya disamakan dengan ‘kegramatisan’. Kebolehterimaan ialah konsep yang berkaitan dengan kajian perlakuan, manakala kegramatisan pula ialah kajian yang berkaitan keupayaan”. Dapat kita fahami di sini bahawa pengetahuan nahu dan kecekapan berbahasa ialah dua komponen pengetahuan bahasa yang saling melengkapi, iaitu bagi membolehkan seseorang pengguna bahasa menghasilkan output bahasa yang gramatis dan pada masa yang sama dapat diterima secara baik oleh pendengar sasaran.

Gagasan satu Malaysia akan berjaya jika seluruh rakyat Malaysia dapat bersatu di bawah satu iltizam yang sama, iaitu mewujudkan masyarakat majmuk yang harmoni, saling hormat menghormati dan hidup dalam satu masyarakat yang muhibah. Kita hanya boleh membina sebuah masyarakat muhibah jika kita dapat berkomunikasi secara jelas dan santun. Di sinilah bahasa Melayu memainkan peranan yang amat penting kerana bagi negara kita Malaysia yang mengamalkan prinsip kesatuan dalam perbezaan, hanya bahasa Melayu yang dapat berperanan sebagai alat penyatu. Bahasa Melayu merupakan aset terpenting negara dalam menjayakan gagasan satu Malaysia.

Bahasa tidak seperti budaya kerana bahasa dapat dipelajari dan digunakan oleh semua lapisan masyarakat tanpa halangan atau menjengkelkan mana-mana pihak. Dengan kata lain, bahasa boleh menjadi milik bersama seluruh anggota masyarakat tanpa menyebabkan kekhuatiran atau keresahan pemilik asal (penutur bahasa ibunda) bahasa tersebut. Bahasa Melayu dapat kita jadikan satu mekanisma politik yang berkesan untuk menyatukan seluruh rakyat Malaysia. Asmah (1987) menyatakan, “Banyak faktor boleh dinyatakan bagi pembentukan rakyat yang bersatu padu, seperti agama, budaya dan bahasa. Daripada yang tiga ini, bahasa adalah dan telah dibuktikan sebagai faktor yang paling berkesan”. Sungguhpun begitu, bagi membolehkan bahasa Melayu memainkan peranan secara efektif sebagai alat penyatu, pengetahuan bahasa Melayu harus dikuasai oleh seluruh rakyat Malaysia secara utuh dan berpadu. Keutuhan pengetahuan bahasa bermaksud kedua-dua komponen pengetahuan Bahasa, iaitu nahu dan kecekapan berbahasa dikuasai secara seimbang. Keseimbangan dalam penguasaan pengetahuan bahasa Melayu akan menghasilkan penutur bahasa Melayu yang berwibawa, dan bahasa Melayu akan dapat berfungsi sebagai alat komunikasi dan mekanisma perpaduan antara kaum secara berkesan.

BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA PENYATU

Untuk memainkan peranan sebagai mekanisma politik yang akan menyatupadukan rakyat seluruhnya, bahasa Melayu telah dibebankan dengan peranan ini. Satu tanggungjawab yang

amat berat kerana ia menentukan kelangsungan perpaduan atau pun Malaysia akan sampai kepada noktah kedamaiannya, dan bermulalah era kekecohan antara etnik. Peranan sebagai penyatu etnik ini dipertanggungjawabkan kepada bahasa Melayu, dan peranan ini menjadi semakin jelas selepas peristiwa rusuhan kaum 1969. Bahkan, untuk mendukung peranan penyatu rakyat Malaysia dengan lebih jelas, bahasa Melayu telah ditukar namanya kepada bahasa Malaysia. Bahasa yang akan menjadi penyambung silaturrahim sesama rakyat daripada pelbagai latar belakang kehidupan. Asmah (1978) telah menyatakan tentang mengapa perlu diadakan sebuah Bahasa Kebangsaan yang telah diubah namanya kepada bahasa Malaysia yang akan dijadikan alat bagi menyatupadukan rakyat Malaysia, menurutnya, “Kekacauan yang berlaku pada 13hb Mei, 1969 memahkotakan segala pergaduhan yang pernah berlaku. Salah satu dari perkara sensitif itu adalah bahasa. Orang-orang didorong supaya menerima kenyataan bahawa Bahasa Malaysia adalah Bahasa Kebangsaan”.

Dalam keadaan negara yang serba sensitif, sama ada daripada segi kesensitifan terhadap bangsa, agama, budaya, ekonomi, pendidikan dan sebagainya, rasa keserumpunan harus ditanam di dalam sanubari rakyat Malaysia. Atas sebab inilah para pemimpin negara ini telah bersetuju bahawa bahasa Melayu harus dijadikan satu mekanisma politik yang boleh memungkinkan penyatuan semula rakyat Malaysia. Dengan itu, bahasa Melayu memikul pelbagai tanggungjawab berat, iaitu antara lain sebagai bahasa pentadbiran negara, bahasa pengantar pendidikan, bahasa dalam bidang undang-undang, di samping itu, dan mungkin yang lebih penting sebagai mekanisma politik untuk menyatupadukan rakyat.

KESIMPULAN

Oleh demikian, pelbagai aspek yang berkaitan dengan bahasa Melayu perlu dikaji, dan seterusnya diperbaiki segera segala kekurangan yang ada. Tidaklah dinafikan bahawa pelbagai kajian, perubahan dan pembaikan telah dilakukan terhadap bahasa Melayu, tetapi ia seringkali tidak seimbang. Penekanan yang agak berlebihan diberikan terhadap penghuraian nahu bahasa Melayu yang datanya pula seringkali berasaskan ayat-ayat bebas konteks. Aspek-aspek seperti minda dan budi Melayu agak kurang dikaji dan dibukukan. Keadaan ini boleh mengurangkan keberkesanan bahasa Melayu untuk memikul tanggungjawab sebagai bahasa perpaduan rakyat.

Pandangan-pandangan di atas juga memperlihatkan kepada kita bahawa bahasa Melayu merupakan aset kita yang paling baik dalam menjamin kesinambungan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia. Kepelbagaian mewujudkan pelbagai isu yang sensitif, dan kesensitifan boleh membuakkan rasa kebencian dan seterusnya mencetuskan konflik. Dengan demikian, perkembangan dan pembangunan bahasa Melayu harus dipupuk dan dibaja dengan penuh rasa tanggungjawab demi kelangsungan sebuah negara.

Kita seharusnya bersedia untuk mengorbankan tenaga, wang, dan masa untuk membangunkan bahasa Melayu secara menyeluruh dan utuh. Hanya pengetahuan bahasa Melayu yang dikuasai secara utuh dan menyeluruh yang dapat menjadi alat komunikasi dan alat penyatu rakyat Malaysia. Keutuhan dan kecemerlangan bahasa Melayu akan menjadi penyumbang yang besar kepada keutuhan dan kecemerlangan negara.

BIBLIOGRAFI

- Asmah Hj. Omar. 1978. *Pengajaran bahasa Malaysia dalam konteks perancangan Bahasa Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. 1987. *Malay in its sociocultural context*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar M. Simin. 1993. *Sintaksis wacana "Yang" dalam bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Botha, R. 1989. *Challenging Chomsky: the generative garden game*. Cambridge: Basil Blackwell.
- Chomsky, N., 1985. *Aspects of the Theory of Syntax*. Cetakan ke-14. Cambridge, Massachussetes: Massachussets Institute of Technology Press.
- Crain, S. & Pietroski, P. 2001. Nature, nurture and Universal Grammar. *Linguistics and Philosophy*, Vol. 24, No. 2 (April): 139-186.
- Fasold, R. 1984. *The sociolinguistics of society*. New York: Basil Blackwell.
- Hamid, Z. & Aman, R. 2006. Differences and similarities between first and second Languages: a functional and pedagogical analysis. *E-Bangi*, 1(1), 10.
- Hamid, Z. 2011. Peranan teori psikolinguistik dalam pemurnian dan pemeraksanaan pendidikan bahasa Melayu di Malaysia. *e-Bangi*, 6(2), 9:183-192.
- Hassan Ahmad. 2004. Bahasa Melayu dan minda Melayu: suatu tinjauan kritis. *Jurnal Melayu Bil.* 1:19-52.
- Gleitman, L. R. 1993. A human universal: the capacity to learn language. *Modern Philology*, Vol. 90, Supplement (May): 13-33.
- Gumperz, J. J. & Hymes, D. 1972. *Directions in sociolinguistics: the ethnography of communication*. New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- Gumperz, J. 1974. 'Linguistics and social interaction in two communities' dlm. Blount, B. (ed.). *Language, culture and society*: 250-266. Cambridge: Winthrop Publisher, Inc.
- Khalidi, M. A. 2002. Nature and nurture in cognition. *The British Journal for the Philosophy of Science*, Vol. 53, No. 2 (Jun): 251-272.
- Mangantar Simanjuntak. 1987. *Pengantar psikolinguistik moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roeper, T. & Williams, E. (pnyt.). 1987. *Parameter setting*. Dordrecht: D. Reidel Publishing Company.

- Rubinfeld, S., Clement, R., Lussier, D., Lebrun, M. & Auger, R. 2006. Second language learning and cultural representations: beyond competence and identity. *Language Learning*, Vol. 56 (4): 609-632.
- Steinberg, D. 1990. *Psikolinguistik: Bahasa, akal budi dan dunia*. Terj. Azhar M. Simin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wanner, E. & Gleitman, L. (pnyt.). 1982. *Language acquisition: the state of the art*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Widdowson, H. 1978. *Teaching Language as Communication*. London: Oxford University Press.
- Zulkifley Hamid. 2005. *Penilaian Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Prof. Dr. Zulkifley bin Hamid
Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan
Dan Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Bangi Selangor.
Email:zulkifly@ukm.my